

06/04/2002

Raja Kamaruddin saman The Sun RM9.5 juta

SHAH ALAM, Jumaat - Timbalan Ketua Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Bahagian Shah Alam, Raja Kamaruddin Raja Abdul Abdul Wahid, hari ini memfailkan saman malu berjumlah RM9.5 juta terhadap akhbar The Sun, dua pengarang, seorang pemberita dan seorang jurugambar, berhubung artikel yang diterbitkan akhbar itu, Disember tahun lalu.

Raja Kamaruddin, atau juga dikenali sebagai Raja Komando, memfailkan saman itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil di sini, melalui Tetuan S N Nair & Co kira-kira jam 9.45 pagi ini.

Beliau memfailkan saman itu berhubung laporan muka depan akhbar The Sun yang mendakwa wujud plot untuk membunuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Plot itu didakwa dirancang beberapa pemimpin politik tempatan dengan mengupah seorang pembunuh upahan dikenali dengan nama Raja Komando bagi menjalankannya.

Raja Kamaruddin menamakan The Sun Media Corporation Sdn Bhd sebagai defendan pertama dan menuntut RM5 juta.

Beliau juga menamakan Ketua Pengarang The Sun, Hng Hung Yong dan Ketua Pengarang Berita, Robert Ho, sebagai defendan kedua dan ketiga, dan menuntut ganti rugi RM2 juta dan RM1.5 juta masing-masing daripada mereka.

Pemberita, R Manirajan dan jurugambar, Anita Md Nasir, adalah defendan keempat dan kelima dalam saman itu, dengan tuntutan ganti rugi RM500,000 setiap seorang.

(END)